



**TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM) KALI KE-46**

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
1.	Minit 46.0 (c)	meminta kerjasama semua ahli mesyuarat untuk memberi komitmen kehadiran ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti memandangkan tarikh mesyuarat telah dijadualkan sejak awal tahun 2019 dan telah dihebahkan kepada semua ahli.	Semua Ahli	Status kehadiran semua ahli mesyuarat bagi tahun 2019 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat JK Kualiti ke-47.
2.	Minit 46.2 (a)	<u>Minit 45.8.1 (c)</u> – meminta supaya status tindakan berkaitan cadangan/isu pelaksanaan PutraViD yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-45 dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang.	TWP iDEC	Perbincangan dengan entiti yang terlibat berkaitan cadangan/ isu pelaksanaan PutraViD yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke- 45 telah diadakan pada 18 Februari 2020 dan hasil perbincangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-47.
3.	Minit 46.3 (c)	bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan ke atas Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) dan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 20 Disember 2019.	PKD	Tindakan telah dilaksanakan. Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) dan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) telah dikuatkuasakan pada tarikh 20 Disember 2019.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
4.	Minit 46.5 (b)	<p>mengambil perhatian terhadap beberapa penambahbaikan/isu yang dicadangkan semasa mesyuarat berkaitan penganjuran hadiah/anugerah HKIP pada tahun akan datang, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Juri pertandingan hadiah/anugerah dilantik daripada pihak luar; (ii) Peneraju dikecualikan daripada menyertai pertandingan bagi kategori hadiah/anugerah HKIP yang diletakkan di bawah tanggungjawab peneraju terlibat; dan (iii) Status penyertaan bagi projek yang sama yang menyertai lebih daripada satu anugerah berkaitan Inovasi dalam tahun yang sama. 	KB PKP	Penambahbaikan yang dicadangkan berkaitan penganjuran hadiah/anugerah HKIP 2020 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Induk Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Kali Pertama Tahun 2020 yang dijadualkan pada awal Mei 2020.
5.	Minit 46.7 (c)	meminta supaya tarikh mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada Disember 2020 diteliti kembali dan dicadang dijadualkan semula pada Penghujung November atau awal Disember 2020.	KB PKP	Tarikh mesyuarat telah diteliti dan dijadualkan semula untuk diadakan pada 1 Disember 2020.
6.	Minit 46.8.1 (b)	Mesyuarat meminta supaya draf dokumen yang telah diterjemah dihantar lebih awal kepada peneraju untuk disemak sebelum siri bengkel penambahbaikan terjemahan dilaksanakan bersama peneraju yang terlibat.	KB PKP & TWP CALC	Draf dokumen yang telah diterjemah telah dihantar oleh pihak CALC kepada peneraju terlibat (Kecuali Pejabat Bursar) sebelum Bengkel Pemurnian Terjemahan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Universiti Putra Malaysia diadakan pada 8 Januari 2020. Sehingga 10 Februari 2020, sebanyak 57 daripada 61 dokumen draf akhir telah dihantar oleh pihak CALC ke CQA untuk semakan dan pengesahan peneraju proses.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN
7.	Minit 46.8.2	Mesyuarat meminta supaya cadangan pindaan ke atas piagam pelanggan Pejabat Bursar di bawa ke Mesyuarat Pengurusan PTJ sebelum dikemukakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM pada Februari 2020 untuk pengesahan.	TWP Pej. Bursar	Pindaan ke atas Piagam Pelanggan Tahun 2020 bagi Pejabat Bursar, Pusat Alumni, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi telah dikemukakan kepada pihak PKPU untuk pengukuran tahun 2020 dan akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-47.